

Kepercayaan Lama Dalam Budaya Bukan Benda Masyarakat Kimaragang Menerusi Cerita Rakyat Terpilih

Old Beliefs in Intangible Culture of the Kimaragang Society Through Selected Folktales

¹Jamail Masador
zmmasgk@gmail.com

²A. Halim Ali
halim.ali@fbk.upsi.edu.my

³Azhar Wahid
azhar@fbk.upsi.edu.my

¹*Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.*
^{2,3}*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

¹ *Corresponding Author*

Received: 20 February 2023; Published: 30 May 2023

Cite this article(APA) as

Masador, J., Ali, A., & Wahid, A. (2023). Kepercayaan Lama Dalam Budaya Bukan Benda Masyarakat Kimaragang Menerusi Cerita Rakyat Terpilih. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 57 - 74. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/171>

ABSTRAK

Pemaparan kepercayaan lama budaya bukan benda yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat Suku Kimaragang menjadi inti pati makalah ini. Oleh hal yang demikian, makalah ini berusaha untuk meneliti aspek budaya bukan benda yang berkaitan dengan amalan dan kepercayaan dalam kehidupan masyarakat tersebut secara etnografi. Penelitian secara kualitatif berkenaan mengaplikasikan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Data-data yang diperolehi juga diperkukuhkan menerusi kaedah kepustakaan. Bertunjangkan tafsiran berkaitan budaya bukan benda oleh A. Aziz Deraman (2003), kajian ini mendeskripsi makna, fungsi dan kepentingan kepercayaan dalam masyarakat tradisi Kimaragang. Kepercayaan yang diyakini dapat menjadi pedomon, rujukan dan amalan yang dapat memupuk nilai-nilai positif, menguatkan spiritual dan menentukan taraf sosial seseorang. Kepercayaan lama itu termasuklah kepercayaan kepada 'lumaag', alam kayangan, 'kinoringan', 'tatod' dan makhluk halus. Oleh itu, menyedari kepentingan untuk mengetahui kepercayaan yang hampir dilupakan ini, beberapa usaha perlu dilaksanakan untuk mengambil beberapa perkara positif daripadanya bagi tujuan menjadi contoh masyarakat untuk bertingkah laku menambah pengetahuan khalayak.

Kata kunci: Kepercayaan lama, budaya bukan benda, Suku Kimaragang, ritual, alam

ABSTRACT

The display of old cultural beliefs is not something that is practiced in the life of the Kimaragang tribe and is the essence of this paper. As such, this paper seeks to examine aspects of non-material culture related to practices and beliefs in the life of the community in an ethnographic manner. Qualitative research applies interview techniques and document analysis. The data obtained is also strengthened

through library techniques. Based on the interpretation related to culture not things by A. Aziz Deraman (2003), the author describes and signifies the meaning, function and importance of belief in the traditional society of Kimaragang. Beliefs that are believed to be able to become guidance, references and practices that can foster positive values, strengthen spirituality and determine standards one's the old beliefs include the belief in 'lumaag', heaven, 'kinoringan', 'tatod' and ethereal beings. Therefore, realizing the importance of knowing this almost forgotten belief, some efforts should be made to take some positive things from it for the purpose of controlling behavior, thinking and increasing the knowledge of the public.

Keywords: Belief, culture is not a thing, Kimaragang tribe, ritual, nature

PENGENALAN

Setiap suku kaum di Malaysia secara umumnya mempunyai nilai-nilai budaya positif yang tinggi, bervariasi dan kreatif terkandung dalam banyak tradisi lisan yang dimiliki. Aspek budaya bernilai tinggi dan kreatif yang dimaksudkan merujuk kepada amalan harian yang terdapat dalam tradisi lisan (cerita rakyat) masyarakat tersebut. Semua amalan ini pula dikawal oleh satu tahap kepercayaan yang menjadi pegangan kelompok masyarakat tersebut. Bagi suku Kimaragang, kepercayaan dan amalan itu digambarkan menerusi "Tangon Kimaragang" (TK) yang mereka miliki sejak turun-temurun.

Jika diamati, penyebaran "*Tangon Kimaragang*" (TK) dalam suku Kimaragang adalah dituturkan secara lisan daripada generasi terdahulu hingga kini. Ini bertepatan dengan pendapat Mohd. Taib Osman (1976) yang menyatakan cara dan kaedah ini merupakan satu ekspresi budaya yang diteruskan oleh masyarakat, sama ada dari segi masa ataupun dari segi ruang ia dilafazkan dari mulut ke mulut dan tidak bertulis atau dicatat. Taib Osman menambah bahawa cerita rakyat tidak ada pemilik khusus, tetapi merupakan khazanah yang dimiliki bersama oleh sesuatu masyarakat dan kepunyaan bersama masyarakat itu sendiri dan cerita rakyat wujud merupakan milik bersama. Kenyataan ini turut disokong oleh Ismail Hamid (1987), yang menyatakan cerita rakyat disampaikan melalui pertuturan dari individu kepada individu yang lain misalnya seorang bapa akan menuturkan kepada anaknya dan begitulah seterusnya. Tujuan utama diperdengarkan, antaranya, ialah menanam kepercayaan yang diyakini sebagai suatu bentuk kawalan sosial.

Selain itu, "*Tangon Kimaragang*" (TK), yang diyakini merupakan cerminan budaya dan corak kehidupan masa lampau, mempunyai rentetan sejarah yang panjang yang sekian lama wujud dalam masyarakat. Kewujudannya seiring dengan perkembangan ketamadunan dan peradaban yang berlaku di persekitaran masyarakat tersebut. Ini sesuai dengan fungsinya sebagai wahana yang amat penting dalam usaha untuk mengisi sebahagian daripada keperluan pendengar terutama sisi pengisian minda, pembentukan sahsiah, kerohanian, bimbingan dan pemantapan psikologi. TK menyajikan pelbagai citra pemikiran dan falsafah yang mewarnai tatacara, amalan harian, kepercayaan dan sebagainya yang terangkum dalam lingkungan sosio budaya masyarakat tersebut. Dalam hal ini, Janatan & Low (2015) merumuskan fungsi "*tangon*" (cerita rakyat) mampu menawarkan suatu model pemikiran yang menceritakan suatu peristiwa luar biasa yang pernah terjadi dan mungkin akan dialami oleh manusia melalui tokoh-tokoh cerita yang diperdengarkan. Model pemikiran yang wujud itu pula adalah hasil daripada ekspresi kepercayaan yang memandu cara berfikir dan tingkah laku. Maka tidak dinafikan TK merupakan salah satu sastera lisan yang amat bernilai bagi masyarakat tersebut.

Kenyataan di atas diperkukuhkan dengan kenyataan Arba'ie Sujud, Lily Salwani Bt Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2011) yang berpendapat bahawa kesusasteraan lisan mahupun cerita rakyat, turut terkandung tentang fenomena sosial yang digarap dalam sesebuah cerita. Fenomena sosial secara umumnya, dapat membawa maksud pemaparan, penelitian kenyataan dan juga tentang kejadian yang diperhatikan dan terjadi dalam persekitaran masyarakat tradisi yang mana disampaikan dalam bentuk cerita terutamanya dalam cerita-cerita rakyat yang terangkum dalam kesusasteraan lisan. Sementara itu, Muhammad Hj. Salleh (1995) menyatakan bahawa istilah 'kesusasteraan' atau sastera, merujuk kepada karya-karya lisan serta juga tulisan yang memaparkan unsur-unsur cereka dan disampaikan melalui pencerita atau pengarang dengan berbagai-bagai alatannya.

Dari segi sejarahnya, genre sastera rakyat ini dapat ditemui dalam khazanah lisan budaya pelbagai suku dan bangsa yang tinggal di benua Asia, Timur Tengah, Afrika, Eropah, dan tempat-tempat lain sejak zaman silam lagi. Jelas, "*Tangon*" merujuk kepada cerita rakyat, dongeng dan cerita pari-pari hasil rekaan tradisi lisan untuk memberikan hiburan dan nasihat (Jacqueline, 2012:147). Ini secara jelas, konsep tradisi rakyat juga berkaitan dengan tradisi lisan. Tradisi lisan dikatakan membawa pengertian yang lebih luas, meliputi bahan naratif dan non-naratif, dan apa-apa juga bentuk ekspresi lisan sesuatu budaya. Di dalamnya termasuk cerita lipur lara, cerita jenaka, mitos, legenda, peribahasa, pantun, nyanyian rakyat dan sebagainya (Ezzah Afifah & Che Ibrahim, 2015). Sementara sastera rakyat ialah sebahagian daripada tradisi lisan yang dapat difahami sebagai ekspresi budaya yang menggunakan bahasa dan mempunyai hubungan langsung dengan berbagai-bagai aspek budaya seperti agama dan kepercayaan, undang-undang, keperluan masa lapang, kegiatan ekonomi, system kekeluargaan dan susunan nilai sosial masyarakatnya.

Kenyataan tersebut disokong oleh Aripin Said (dalam Minah Sintian, 2014) menyebutkan peranan sastera rakyat sebagai alat kawalan sosial dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana "*tangon*" (cerita rakyat) sarat unsur nasihat, pengajaran, dan teladan sebagai panduan dalam pembentukan hidup masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Terdapat banyak persamaan antara cerita rakyat "*Tangon Kimaragang*" (TK) dengan cerita rakyat suku lain. Masyarakat suku Kimaragang pada suatu era dahulu dibentuk dengan budaya dan cara berfikir yang banyak diterjemahkan dalam "*tangon*" (cerita rakyat). Analisis terhadap aspek pemikiran penting untuk membina kesedaran dalam kalangan masyarakat Kimaragang itu sendiri, agar mengetepikan pelbagai sikap negatif dalam kalangan mereka yang telah disindir dalam "*Tangon Kimaragang*" (TK) untuk kes *tangon* sindiran dan melaksanakan atau menjadikan satu kenyataan, idea atau gagasan yang disebutkan dalam TK.

Oleh itu, sastera lisan sangat penting kepada kepada pemilik dan pewarisnya. Setiap suku di dunia ini mempunyai tradisi lisan mereka tersendiri. Perkara tersebut diakui oleh Muhammad Hj. Salleh (1995), yang menyatakan budaya Asia Tenggara banyak berkongsi tradisi lisan, dan dilihat sebagai keturunan kepada kebudayaan. Sasterawan Negara ini yang turut memetik tulisan Ajibade telah merujuk sastera lisan sebagai mendapat perhatian mendalam dalam kehidupan manusia, sama ada dalam pemikiran mahupun perlakuan mereka. Dalam konteks di Sabah, Norjietta Julita Taisin (2015) telah mencatatkan bahawa masih ramai generasi tua daripada pelbagai etnik di Sabah yang menuturkan genre lisan sama ada berbentuk cerita seperti mitos dan cerita rakyat, mahupun genre lisan bukan bercorak cerita seperti puisi tradisional, peribahasa, kias ibarat, teka-teki dan sebagainya.

Selain itu, berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji di beberapa buah kampung di daerah Kota Marudu seperti Kampung Salimandut, Kampung Longob, Kampung Nolotan, Timbang Batu dan Kampung Batition, rata-rata informan suku Kimaragang ketika ditemu bual memberitahu bahawa cerita tradisional ini popular dituturkan dalam kalangan mereka pada tahun-tahun sebelum 1960-an. Amalan menuturkan "*tangon*" amat sinonim dengan masyarakat ini. "*Tangon*" (cerita rakyat) terhasil secara spontan oleh suku Kimaragang yang tinggal di Residensi utara Borneo yang terdiri daripada Daerah Kota Marudu dan Daerah Pitas. Suku Kimaragang mempelajari kaedah menceritakan "*tangon*" tradisional ini melalui penyertaan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti "*mitatabang*" (gotong-royong) dan dalam keramaian seperti dalam majlis perkahwinan.


Sehubungan dengan itu, fokus kajian ini hanya menyoroti "*tangon-tangon*" yang dimiliki oleh suku Kimaragang dari segi aspek budaya bukan benda. "*Tangon-tangon*" akan dikumpulkan melalui informan-informan terpilih melalui kajian lapangan, kajian kepustakaan dan seterusnya kaedah analisis dokumen diperoleh.

Budaya

Budawayan Negara A. Aziz Deraman (2003) mentakrifkan budaya sebagai keseluruhan cara hidup sesuatu masyarakat yang meliputi aspek tampak dan dalamannya. Kebudayaan adalah sebagai satu keseluruhan cara hidup manusia yang meliputi hasil-hasil kehidupan kelompok yang bercorak kebendaan dan bukan kebendaan. Takrifan budaya meliputi asimilasi budaya, bahasa, budaya luar bandar dan bandar, budaya makanan dan minum, budaya mengikut bangsa keetnikan, hiburan,

institusi sosial, kebudayaan mengikut kawasan dan kerakyatan, kelainan dan gaya bahasa, kesusasteraan, pakaian, pendidikan, politik dan sebagainya. Secara ringkasnya budaya mengikut A. Aziz Deraman (2003) digambarkan seperti berikut:

Rajah 1: Kategori budaya



Sumber: Diubahsuai daripada tafsiran Budaya oleh A. Aziz Deraman (2003)

Rajah 1 menunjukkan dua kategori budaya mengikut A. Aziz Deraman (2003). Menurut A. Aziz Deraman, ada ratusan takrifan kebudayaan dan puluhan cabang kesenian yang merupakan sebahagian daripada kebudayaan. Namun, menurutnya beberapa aspek yang perlu diberi penekanan apabila memperkatakan sesuatu budaya masyarakat terutamanya budaya bukan benda atau material. Antaranya ialah sistem idea, nilai dan kepercayaan, perasaan kelompok masyarakat, lambang serta objek kebendaan ciptaan masyarakat tertentu. Bagi tujuan kajian ini, hanya beberapa aspek dipertimbangkan dan diketengahkan bersesuaian dengan apa-apa yang terkandung dalam “tangon” (cerita rakyat) suku Kimaragang sahaja. Aspek-aspek budaya yang diperturunkan ini merupakan aspek-aspek budaya yang dikesan daripada pembacaan dan pengamatan terhadap cerita rakyat (“tangon-tangon”).

Menurut Wan Abdul Kadir yang dipetik dalam Mohd.Fahmi Ismail (2016) dalam artikel journal berjudul “Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan”, menyatakan “budaya” secara jelasnya sebagai keseluruhan amalan hidup setiap anggota masyarakat, cara hidup ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat seperti peralatan, kecanggihan teknologi, *world-view*, nilai dan pemikiran. Setiap masyarakat memiliki sebuah budaya dan budaya tersebut dimiliki secara tidak langsung akan menyojokkan identiti dan jati diri masyarakat tersebut. Bagi tujuan makalah ini, budaya bukan benda yang berkaitan dengan kepercayaan menjadi fokus utama kajian.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan “tangon” (cerita rakyat) banyak dilakukan oleh pengkaji dalam dan luar negara. Sebagai contoh, Minah Sintian (2019), menerusi artikel berjudul *Nilai-nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun*, telah meninjau berkaitan kearifan tempatan yang terdapat dalam masyarakat Kadazandusun. Kearifan lokal yang dimiliki dihubungkan dengan kepercayaan lama yang banyak mempengaruhi cara berfikir dan tingkah laku masyarakat. Kearifan lokal merupakan budaya bukan benda yang telah membentuk keperibadian, ketamadunan dan jati diri masyarakat pendukungnya.

Sementara itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam artikel jurnal bertajuk “*Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*” telah menggambarkan keistimewaan cerita rakyat Melayu memiliki nilai ketamadunan yang dapat memebentuk nilai positif. Secara ringkasnya, nilai ketamadunan yang dimiliki dan diamalkan oleh masyarakat Melayu adalah berasaskan amalan kepercayaan lama. Amalan tradisi telah menjadi asas kepada pembentukan falsafah dan pemikiran masyarakat tersebut.

Selanjutnya, Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk “*Sastera Rakyat Sebagai Medium Didatik Kepada Golongan Desa,*” yang melihat sastera rakyat sebagai karya kreatif dalam masyarakat Melayu. Dalam kajian ini juga menegaskan bahawa golongan desa dan petani menjadikan sastera rakyat sebagai bahan hiburan dan dijadikan bahan pendidikan positif. Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) pula mengkaji aspek kepahlawanan dalam tangon etnik Kimaragang.

Sementara itu, Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifuddin Yusop (2015) dalam artikel jurnal yang berjudul “*Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*” telah mengenal pasti dan membincangkan nilai jati diri yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu. Pernyataan masalah pengkaji berlandaskan pendapat oleh Mohd. Taib Osman (1976) yang menyatakan bahawa perkembangan teknologi pada masa kini telah menggugat kedudukan sastera rakyat di Malaysia. Namun pada asasnya unsur budaya dan jati diri masyarakat masih terpelihara, kerana asas kepercayaan agama yang kuat dalam masyarakat.

Seterusnya, Gallus dan Low Kok On, (2016) dalam kajian sarjana berjudul “*Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema*” memerihalkan tentang “*tangon*” (cerita rakyat) daripada suku kaum Dusun Liwan di daerah Ranau, Sabah. Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kualitatif. Kajian ini dijalankan dengan meneliti aspek tema dan persoalan dalam tangon suku etnik tersebut. Untuk itu, pengkaji telah menemubual beberapa informan bagi mendapatkan data primer. Menerusi kajian ke atas tangon-tangon, beberapa kepercayaan lama menjadi bahan isian cerita rakyat. Antara kepercayaan lama yang popular sering disebutkan oleh penglipur lara ialah kewujudan “*kinoringan*” (tuhan) sebagai entiti tempat bergantung masyarakat terdahulu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti aspek budaya dan kepercayaan yang terdapat dalam “*tangon*” (cerita rakyat) suku Kimaragang. Aspek-aspek budaya dan persoalan kepercayaan yang diungkapkan dalam karya cerita rakyat adalah amat menarik untuk dikaji. Hal ini disebabkan tangon (cerita rakyat) diyakini merupakan dokumen awal yang menyembunyikan khazanah budaya bukan benda yang kurang ditonjolkan dan diterokai secara mendalam, terutama oleh golongan muda. Sedangkan sastera lisan seperti cerita rakyat menyimpan sejumlah amalan penting yang boleh dijadikan pedoman hasil kebijaksanaan golongan terdahulu. Amalan yang dijalankan pula adalah berlandaskan kepercayaan yang diyakini, biarpun menyimpang dari amalan biasa kepercayaan masyarakat mutakhir ini, tetapi sedikit sebanyak kepercayaan itu menjadi asas kepada kehidupan pada hari ini. Pada zaman dulu, kepercayaan adalah berasaskan kepercayaan animisme. Kepercayaan ini sering dikaitkan dengan kebergantungan kepada kekuasaan alam sekitar, alam haiwan, alam ghaib dan sebagainya sebagai tempat mengadu dan memohon pertolongan. Oleh hal yang demikian, kajian ini berupaya memberi nilai tambah kepada bidang penyelidikan sastera lisan dan mengangkat martabat ‘*tangon*’ (cerita rakyat) ke peringkat lebih tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi tujuan mengumpul data, kajian ini tertumpu kepada metod temu bual, analisis dokumen dan kepustakaan. Beberapa orang informan telah dipilih yang dianggap berpengetahuan luas dan berpangalaman serta berautoriti dalam sosio budaya suku Kimaragang. Informan terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat seperti ketua kampung, guru dan ketua suku Kimaragang. Masyarakat Kimaragang yang dijadikan informan tinggal di Kampung Salimandut dan Kampung Tingkalanon

dalam daerah Kota Marudu, Sabah. Mereka telah ditemu bual bagi mendapatkan “*tangon-tangon*” (cerita rakyat) khususnya yang berkaitan dengan kepercayaan lama. Peranan pengkaji seterusnya adalah menganalisis data-data untuk membuat kesimpulan. Sementara itu, kaedah kepustakaan dijalankan bagi membuat rujukan kajian-kajian lepas dan tujuan tambah nilai bahan kajian. Menurut A. Halim Ali (2019), kaedah kepustakaan sesuai digunakan bagi tujuan menganalisis bahan-bahan dalam bentuk bercetak seperti buku, manuskrip dan dokumen.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini hanya beberapa bentuk kepercayaan akan dijelaskan. Justifikasi pemilihan aspek-aspek kepercayaan dan amalan adalah disebabkan aspek-aspek kepercayaan tersebut kurang diperkatakan dalam kajian-kajian sebelum ini.

Kepercayaan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) mentakrifkan ‘kepercayaan’ sebagai keyakinan atau akuan akan bertanya sesuatu dan dipercayai. Ia juga disebut sebagai ‘iman’ atau ‘iktikad. Dalam hal ini, pendapat Arena Wati, (dalam Minah Sintian, 2019) menyatakan bahawa masyarakat Kadazandusun tradisional mempunyai kepercayaan terhadap tuhan yang dikenali sebagai ‘*Kinorohingan*’ malah mempercayai bahawa tuhan mereka hanya satu sahaja. Kepercayaan ini adalah serupa dengan yang terdapat dalam kalangan suku Kimaragang. Hanya yang membezakan dari segi ejaan (sebutan) yakin “*Kinorohingan*” bagi etnik Kadazandusun, dan “*Kinoringan*” bagi etnik Kimaragang.

Jika diamati, unsur-unsur kepercayaan yang dikesan dalam “*tangon Kimaragang*” masih lagi wujud sehingga kini. Terdapat amalan dan upacara tentang bentuk kepercayaan etnik ini terhadap motif sesuatu benda atau lebih tepatnya dipanggil budaya bukan benda, masih menjadi pegangan sesetengah ahlinya. Jika diamati, segelintir ahli dalam etnik ini meyakini kewujudan benda-benda ghaib dan ia dianggap lebih berkuasa daripada manusia. Melalui kepercayaan ini mereka memohon, menyeru dan meminta agar hajat boleh dicapai. Hal ini terjadi kerana berdasarkan konsep kepercayaan dan pandang alam mereka menganggap bahawa benda-benda ghaib itu dapat dihubungi, diseru dan dipujuk untuk menunaikan segala permohonan. Dalam konteks masyarakat Kimaragang, peranan yang dimainkan oleh seorang “*bobolian*” (pakar adat) adalah amat diperlukan. Hanya “*bobolian*” yang mampu melaksanakan hal-hal berhubung alam ghaib. Namun terdapat juga individu secara perseorangan mampu berhubung dengan alam ghaib, tetapi bagi tujuan-tujuan yang tidak baik. Malah menurut Suraya Sintang (2003), “*bobolian*” mempunyai peranan penting untuk membantu mereka berkomunikasi dengan alam ghaib apabila berhadapan dengan krisis seperti penyakit kronik dan bencana alam. Jelas, “*bobolian*” dipercayai mampu menyembuhkan penyakit dan menghindar kuasa sihir dengan pertolongan makhluk halus dan seterusnya dapat menjaga hubungan baik dengan alam ghaib.

Kepercayaan kepada benda-benda ghaib dan mistik sering dikaitkan dengan amalan kehidupan masyarakat tersebut yang hidup di lingkungan alam terpececil seperti di pinggir hutan, di pinggir sungai atau tasik, kurang pendedahan kepada pengetahuan baharu dan taraf sosio ekonomi yang relatif miskin. Kepercayaan ini terus mempengaruhi cara berfikir dan bertindak sebagai tata cara kehidupan dan terus menganggap bahawa makhluk ghaib boleh dijadikan sandaran untuk mencorak kehidupan mereka yang amat bergantung kepada sumber alam. Alam (“*pomogunan*”) pula dikuasai dan ditadbir oleh kuasa “*Minamangun*” (Yang Mencipta). Ringkasnya, sebarang tindakan memperoleh keperluan daripada sumber “*pomogunan*” perlu mendapat restu dan keizinan daripada yang menguasainya iaitu penghuni-penghuni ghaib benda-benda di sekeliling.

Aspek kepercayaan ini dapat dikesan dalam beberapa judul cerita rakyat masyarakat Kimaragang. Dalam TK berjudul “*Ih Majabou*” misalnya, digambarkan kejayaan watak utamanya mengapak Nabalou merupakan hasil bantuan tuhan “*Kinoringan*”. Alam Nabalou yang terletak di alam lain, tidak akan dapat dikunjungi oleh manusia biasa, melainkan terjadinya keajaiban, yakni campur tangan “*Kinoringan*” dalam menolong hambanya yang dalam kesusahan dan kesedihan. Berkat

bantuan “*kinoringan*” tersebut, maka lelaki tersebut berjaya membawa kembali isterinya ke alam dunia. Selain daripada itu, kepercayaan lain yang wujud mengikut suku ini termasuklah:

Kepercayaan kepada “*lumaag*”

Dalam kalangan etnik Kimaragang kini, tidak dapat memastikan taraf “*Lumaag*” yang sering disebut dalam “*tangon-tangon*” suku Kimaragang. “*Lumaag*” ditafsirkan sebagai golongan penjaga roh atau roh baik (Madiwi (59 tahun) temubual pada 20 Mac 2022). Dalam kalangan suku Kimaragang, apabila ingin merujuk sesuatu yang ajaib atau “*Osundu*” (magis), dunia dari alam kayangan dan “*alam namatai*” (alam roh) tetap dijadikan penanda kepada sesuatu yang lebih berkuasa daripada manusia. Alam-alam kayangan biasanya merujuk kepada hal-hal yang membawa kebaikan dari penghuni alam kayangan, biasanya dirujuk kepada penghuni syurga. Kuasa alam kayangan boleh menghantar sesuatu yang ajaib ke dunia demi membela kebenaran sering digambarkan dalam TK. Sementara “*Lumaag*” akan diseru dalam ritual “*tumolod*” atau “*mogondi*” oleh golongan “*bobolian*” yang terpilih sahaja.

Kepercayaan kepada Alam “*Namatai*” dan kayangan

Jika diamati, alam “*namatai*” (alam roh) biasanya menggambarkan sesuatu yang membawa kepada kedukaan dan keburukan. “*Alam namatai*” dikatakan tempat persinggahan “*tatod*” (roh) sebelum sebahagiannya dikirinkan ke alam kayangan (syurga atau neraka).

Menurut Mabin (70 tahun), hubungan dunia realiti dengan penghuni alam kayangan sudah lama menjadi salah satu asas kepercayaan suku Kimaragang pada zaman primitif. Seheinggakan apa-apa yang indah di dunia ini, akan dikaitkan dengan alam kayangan. Tujuan mengaitkan hal-hal keduniaan tersebut berfungsi untuk mengawal pemikiran dan tingkah laku ahli masyarakatnya. Misalnya, pelangi (“*buluntung*”) sering dikaitkan dengan jambatan yang menghubungkan dunia dengan alam kayangan. Tujuan lain menghubungkan sesuatu yang dipercayai ialah mengukuhkan sesuatu tindakan. Contohnya, apabila terbit “*buluntung*” seseorang ditegah turun ke tanah (secara logiknya, “*buluntung*” terbentuk melalui titisan-titisan hujan yang diyakini menyebabkan terdapat “*kadaat*” di dalamnya (Hujan panas membawa penyakit demam). Kepercayaan ini menjadi pegangan untuk beberapa generasi. Hal ini terjadi kerana diukur dari segi tahap pengetahuan mereka pada waktu itu, keyakinan tersebut sesuatu yang logik kerana penjelmaan pelangi di persekitaran mereka hanya sekali-sekala sahaja. Ini pastilah amat mengujakan mereka, kerana pastilah ada satu kuasa yang mencipta pelangi (“*buluntung*”) tersebut.

Orang Kayangan (yang dihuni oleh Dewa-dewa), menurut keyakinan masyarakat terdahulu sentiasa menolong manusia di dunia. Dalam TK “*Si Majabou*”, puteri-puteri kayangan telah turun ke bumi untuk mandi-manda. Pemuda bernama Majabou telah menyembunyikan pakaian salah seorang dewi kayangan itu menyebabkan dewi itu tidak mampu terbang balik ke alam kayangan. Maka bermula dari peristiwa itu, Majabou bertindak sebagai penyelamat dan telah mengahwini Puteri Kayangan tersebut. Selang beberapa tahun kemudian, pakaian dewi yang disembunyikan tersebut telah dijumpai oleh anak mereka. Maka dewi kayangan yang amat merindui keluarganya telah bertindak memakai kembali pakaian itu lalu terbang kembali ke langit kayangan. Dalam *tangon* ini juga, “*alam namatai*” dianggap sebagai alam yang boleh dicerobohi. Lokasi alam ini digambarkan terletak di Nabal (Nulu Kinabalu).

Dalam TK “*Sambarak Om Tasu*”, makhluk dari kayangan yang menjelma sebagai anjing, turun ke bumi membantu keluarga yang teraniaya. Dikatakan bahawa anjing-anjing dari kayangan itu mempunyai kesaktian heheinggakan mampu membela dan menjaga ahli keluarga itu daripada terus dianiayai oleh penduduk kampung. Untuk beberapa bulan kemudian, tiba masanya anjing-anjing itu telah kembali ke kayangan. Namun keluarga Sambarak itu sudah mampu berdikari sendiri termasuk memiliki harta sendiri yang banyak. Dan penjelemahan semula anjing-anjing itu kepada rupa yang asal, mendedahkan bahawa mereka adalah dewa-dewi dari kayangan.

Dalam TK “*Solinkumut*”, makhluk alam kayangan juga diwakili oleh seekor anjing. Anjing yang dibela oleh lelaki telah berkhidmat kepada tuannya dengan setia, patuh arahan dan rela

berkorban. Namun, perandai lelaki itu yang bersikap tamak haloba dan tidak menghargai jasa anjing belaanannya itu mendapat kemurkaan 'orang kayangan'. Oleh itu, anjing lelaki itu telah dirasuk oleh anjing jelmaan yang bersikap garang dan bertindak mengertak lelaki itu. Setelah anjing kayangan itu berjaya memperbetulkan tingkah laku dan cara berfikir lelaki tersebut, anjing itu pun kembali ke langit (alam kayangan).

Kepercayaan kepada "Tatod"

Dalam kalangan etnik Kimaragang, roh disebut sebagai "*tatod*"; kepercayaan kepada "*tatod*" dalam masyarakat primitif masyarakat Kimaragang telah diwarisi beberapa generasi. Dikatakan bahawa roh ("*tatod*") atau semangat bersifat "*osundu*" (sakti) merupakan satu entiti yang mempunyai kuasa tertentu yang mampu berhubung dengan alam nyata.

Dalam kepercayaan masyarakat Kimaragang, dikatakan seseorang ahli dalam masyarakat ini apabila meninggal dunia rohnya kembali ke "*pomogunan namatai*" (alam kematian). Roh ("*tatod*") mereka dikatakan bakal melalui perjalanan yang panjang sehinggalah mampu berkumpul di alam "*namatai*" bergantung kepada amalan masing-masing. Misalnya, mereka yang banyak melakukan kesalahan, "*tatod*" akan merayau-rayau di tempat-tempat yang mereka pernah lawati semasa hidup dahulu dalam bentuk "*tombiruo*". Malah ada di antara roh tersebut menjelma dalam bentuk-bentuk lain seperti burung hantu atau kucing hitam untuk membalas dendam terhadap mereka yang berbuat jahat sewaktu hidup di alam nyata. Ini sesuai dengan kenyataan Rutter (dalam Minah Sintian, 2014), yang menyatakan bukannya susah untuk menemui semangat jahat kerana biasanya orang yang menganut kepercayaan lama di Borneo akan memberi sepenuh perhatian kepada petanda yang ditunjukkan oleh burung, binatang liar dan serangga.

"Tatod" (roh) banyak kali disebut dalam "tangon-tangon" suku Kimaragang. Contohnya yang paling ketara ialah "*tangon*" (cerita rakyat) "Sopuk Tosundu". Dalam TK ini "*tatod*" dikatakan boleh menjelma dalam bentuk lain. Penjelmaan kepada bentuk lain itu, antara tujuannya adalah sebagai isyarat tentang kematian seseorang, dan dikatakan mampu berhubung dengan orang rapat dengannya. "*Tatod*" menyerupai sesuatu benda dan mampu berkomunikasi dengan orang yang masih hidup, sebagai isyarat atau tanda untuk memberitahu orang yang disayangnya.

"Tatod" kononnya boleh dirasai dan boleh ditangkap melalui peralatan duniawi seperti "*Sopuk*", yang dikatakan "*sopuk*" (sumpitan) itu bersifat ajaib. Dalam TK ini, "*tatod*" telah dikembalikan ke badan si mati. TK ini mengisahkan tentang seorang lelaki yang memburu beberapa minggu dalam hutan. Sewaktu dalam perjalanan, suatu kelibat manusia dilihatnya seakan menyerupai isterinya. Lelaki tersebut mengumpan kelibat itu untuk masuk ke dalam "*sopuk*"nya lalu menutup kedua-dua lubang "*sopuk*"nya itu. Setibanya di rumah, didapatinya ramai orang berkumpul kerana dikatakan isteri lelaki telah tersebut meninggal dunia beberapa hari yang lalu. Dalam keadaan yang tenang, lelaki itu menghembuskan udara dari rongga "*sopuk*" ke dalam mulut isterinya, lalu isterinya itu terjaga dari "mati". Ringkasnya, kelibat yang ditemuinya itu merupakan roh ("*tatod*") isterinya.

Menurut Informan Rumalom (85 tahun), roh-roh tersebut akan berkumpul di suatu alam lain, iaitu di Nabal (Gunung Kinabalu). Seseorang yang semasa hidupnya banyak melakukan kejahatan, rohnya dikatakan mengalami kemurungan dan merayau-rayau di tempat-tempat yang pernah dilawatnya. Ada juga dalam keadaan tertentu, rohnya menjelma dalam bentuk asalnya dan menakutkan orang yang ditinggalkan. Dikatakan juga bahawa roh ("*tatod*") tidak akan meninggalkan rumah asalnya jika semua pakaian atau peralatannya yang digunakan semasa hidup tidak diikutsertakan ke rumah kuburnya. Ini disebabkan, amalan yang menjadi pegangan dalam zaman primitif suku ini iaitu setiap pakaian dan peralatan kesayangan si mati wajib dikumpulkan kemudian disertakan dalam upacara pengebumiannya. Pakaian atau peralatan tersebut dikuburkan bersama si mayat atau digantung di dalam atau luar rumah kuburnya.

Upacara menghalau "*tatod*" (roh) dilakukan oleh ahli keluarga selepas kematian seseorang. Amalan-amalan yang dijalankan iaitu ritual "*monunsub*" (kenduri menghalau roh) pada hari ke-3 atau ke-7 hari iaitu disebut "*monunsub*" (perbuatan merelakan pemergian roh si mati dengan amalan mengorbankan haiwan peliharaan yang biasa dibela oleh masyarakat pada zaman itu, mengadakan kenduri sedarhana. Antara kaedah lain menghalau "*tatod*" ialah memukul keratan-keratan buluh dan

komponennya secara berterusan selama beberapa minit dengan rentak tertentu. Dalam keadaan tertentu terdapat ahli keluarga yang ditinggalkan akan bertindak “mogorudu” (meraung-raung kesedihan); dan acara “mogondi” (ritual membaca mantera) akan dilakukan oleh “bobolian” terpilih.

Dalam kepercayaan kuno suku Kimaragang haiwan-haiwan juga mempunyai “tatod” (roh). Alam haiwan ditadbir dan dikuasai oleh suatu Penguasa iaitu Aki Buragon. Entiti ini amat dikenal sebagai yang menentukan kehidupan alam haiwan (peliharaan). Misalnya, apabila haiwan peliharaan seperti kerbau dihinggapi penyakit dan menyebabkan kematian, sebilangan ahli masyarakat memutuskan bahawa ia ketentuan Aki Buragon, misalnya dalam hal kematian haiwan tersebut ungkapan “*sinopuk dih Aki Buragon*” (telah disumpit hingga mati oleh Aki Buragon), sebagai ungkapan yang mengakui kekuasaan entiti ini dan mereka dapat menerima ketentuan tersebut (kematian haiwan peliharaan). Hal ini dikaitkan dengan kepercayaan lain, misalnya pantang larang bermain di luar rumah pada waktu lewat petang adalah amat ditegah sama sekali, kerana dikatakan pada saat ini Aki Buragon sedang berlegar-legar di kawasan perumahan, untuk “*monopuk do pangayam*” (berburu binatang termasuk manusia), terutama golongan kanak-kanak.

Dalam TK “Lobong” (kuburan), dikatakan roh telah kembali kepada badan isterinya setelah lelaki (suami) telah dapat mengalahkan golongan jin penunggu kuburan. TK ini menceritakan tentang kematian tanpa disengajakan. Tindakan wataknya (isteri yang sedang berpantang kerana baru melahirkan anak) memotong “tagos” di pinggangnya menyebabkan pisau yang digunakan menembusi perutnya. Kematian tanpa sengaja itu menimbulkan kekesalan di hati suaminya. Ini sebabkan, menurut keyakinan lelaki itu, kematian isterinya itu bukan dengan izin (takdir) yang ditentukan oleh *kinoringan* seperti kebiasaannya. Namun dengan berat hati dikuburkannya juga mayat isterinya. Walau bagaimanapun, oleh kerana teramat sayang terhadap isterinya, lelaki itu bertindak menjaga kubur isterinya beberapa malam. Lelaki itu dimasukkan dalam keranda bersama mayat isterinya.

Menurut informan, setelah tiba pada malam yang ketujuh lelaki itu disedarkan oleh kehadiran makhluk (jin) di atas kubur isterinya. Makhluk-makhluk itu berpakat untuk menyedut mayat di dalam kubur. Oleh kerana dorongan naluri untuk mempertahankan isterinya lelaki itu bertindak melawan makhluk itu dengan menarik janggut salah seekor makhluk itu. Makhluk itu meronta-ronta dan tidak mampu melepaskan dirinya. Petikan berikut menggambarannya:

“Si Lalakou mencengkam dan merenggut janggut makhluk itu. Makhluk itu tidak berdaya melepaskan dirinya. Semakin makhluk itu meronta-ronta semakin kuat cengkaman lelaki itu. Akhirnya makhluk itu merayu “lepaskan aku...tolong! Lepaskan janggutku....”

*“Saya akan lepaskan kau dengan satu syarat,” balas lelaki berani itu.
“Hidupkan kembali isteriku!”*

(Tulisan semula dari TK: “Lobong”, 2021)

Dalam TK ini, unsur-unsur keajaiban berlaku. “*Tatod*” yang dimiliki oleh isteri lelaki itu telah dikembalikan oleh makhluk (jin) tersebut. Dikatakan mayat yang telah dikubur seminggu lalu itu telah bangkit dan menjalani kehidupan seperti biasa. Secara ringkasnya “*tangon-tangon*” (cerita rakyat) yang diperdengarkan pada zaman dahulu merupakan suatu gambaran tentang kepercayaan yang menjadi sebahagian budaya mereka. TK “*Sopuk tosundo*” dan “*Lobong*” di atas, merupakan bayangan awal bahawa mereka amat mempercayai alam ghaib (“*alam namatai*”). Kepercayaan ini boleh bertindak sebagai suatu cara dalam mengawal pemikiran dan tingkah laku masyarakat tersebut. Perkara ini diterima dan diyakini oleh mereka, dan berjaya dipertahankan selama berabad-abad.

“*Tompson*” dan “*Gimbaran*”

Terdapat beberapa pendapat berkaitan “*Tompson*”. “*Tompson*” merupakan roh penjaga kepada orang yang ada hubungan rapat dengan roh-roh halus (Jingle Parumpung, 57 tahun) Sementara “*Gimbaran*” iaitu kuasa yang tiba-tiba muncul bagi membantu manusia yang amat memerlukan pertolongan atau terdesak demi menyelematkan nyawanya. “*Tompson*” dan “*gimbaran*” dikaitkan dengan

kepercayaan kepada roh penjaga dan golongan jin yang menjadi pegangan masyarakat Kimarangan. Mereka meyakini bahawa dalam kalangan jin, terdapat jin yang baik dan jin yang jahat. Kalangan jin yang baik ada kalanya datang menolong manusia yang terdesak untuk memerlukan pertolongan. Terdapat juga ahli masyarakat tersebut yang memelihara jin dan boleh menyeru jin tersebut sebagai “tompok” apabila diperlukan. Mengikut suku Kimaragang, istilah bagi manusia yang dibantu oleh golongan roh penjaga disebut sebagai “*totompok*”. Istilah ini berasal dari perkataan “Tompok” atau “Tompok” dalam Bahasa Kimaragang yang ditafsirkan sebagai “yang datang menolong tanpa diketahui”. Dalam erti kata lain, sesiapa yang didatangi (menjadi “*totompok*”) bakal beroleh kuasa luar biasa yang tidak dijangka. Biasanya seseorang yang diberi “*tompok*” atau “*gimbaran*” mempunyai kuasa luar biasa melebihi kemampuan manusia biasa kerana jasad dan jiwa seseorang tersebut telah diambil alih oleh kuasa jin tersebut.

Menjaga hubungan dengan alam

Masyarakat Kimaragang hidup secara sedarhana dalam suasana perdesaan di pinggir hutan atau dalam hutan. Jenis hutan yang terdapat di persekitaran mereka merupakan hutan dara, yang terdiri daripada hutan tropika. Pengaruh hutan dalam kehidupan mereka amat kuat. Ini disebabkan segala keperluan untuk hidup boleh diperolehi dari hutan. Setiap kali berada dalam hutan pula amalan-amalan berkaitan dengan kepercayaan perlulah dipraktikkan. Ini bertujuan untuk menjaga hubungan dengan makhluk-makhluk yang dipercayai menjadi penjaga hutan.

Interaksi di antara anggota masyarakat dan alam sekitar jelas memberi gambaran sejauh mana warga pribumi ini yang begitu menitikberatkan hubungan harmoni dengan persekitaran bagi menjamin kesinambungan hidup mereka, tetapi didorong oleh amalan, kepercayaan dan pegangan hidup mereka. Dengan erti kata lain, alam adalah sebahagian daripada kehidupan mereka, alam turut perlu dijaga supaya kuasa ghaib, roh, penunggu, dewa atau tuhan mereka tidak marah. Hal ini kerana, kemarahan kuasa-kuasa ghaib ini dipercayai akan membawa bencana kepada mereka dalam pelbagai bentuk seperti banjir besar, kemarau panjang, penyakit berjangkit atau kematian. Oleh sebab itu, mereka sangat menghormati alam sekitar dan menjalinkan hubungan dengan harmoni dengan persekitaran mereka.

Bagi menjaga hubungan harmoni dengan alam beberapa amalan perlu dilaksanakan. Amalan-amalan yang dilakukan bagi mengeratkan lagi hubungan dengan alam dalam kalangan masyarakat ini antaranya, upacara “*momuraa pomogunan*” bagi tujuan menolak atau menghindari “*kadaat*” (sial). Ritual ini biasanya dilakukan apabila alam tidak lagi dapat memenuhi keperluan mereka, misalnya, musim kemarau yang berpanjangan menyebabkan tanaman mereka tidak menjadi. Oleh hal yang demikian, bagi memujuk penguasa alam supaya menurunkan hujan maka ritual “*momuraa*” (ritual khas) perlu dijalankan yang melibatkan semua ketua keluarga di kawasan tersebut.

Pada kebiasaannya, dalam ritual ini setiap ketua keluarga perlu menyediakan seekor atau dua ekor ayam (putih atau hitam). Ayam-ayam tersebut dikumpulkan di suatu tempat yang dipanggil “*timpaa*” (para-para) yang didirikan di suatu tempat “*istimewa*”, yang dianggap mempunyai semangat, kemudian beberapa orang “*bobolian*” melafazkan ‘*rinait*’ (mantera). Ayam-ayam tersebut dikorbankan. Darah ayam-ayam tersebut dikumpulkan dan kemudinya dicalitkan dengan beberapa helai bulu pelepah ayam. Bulu pelepah tersebut kemudian diselitkan di mana-mana tempat strategik di seluruh kampung mereka. Kampung tersebut tidak boleh dikunjungi oleh orang luar beberapa hari, biasanya selama tiga hari. Tanda “*puraa*” akan diletakkan di jalan-jalan utama sebagai isyarat kampung tersebut dalam keadaan berpantang. Penduduk asal kampung tersebut juga dilarang meninggalkan kediaman mereka dalam tempoh larangan tersebut.

Amalan Ritual mengikut kepercayaan

Berdasarkan analisis terhadap TK yang dikumpulkan, didapati sekurang-kurangnya tiga perilaku positif manusia atau nilai budaya yang dapat ditafsirkan. Ini termasuklah, alam sebagai wadah untuk memenuhi keperluan manusia, tindakan memelihara alam untuk mewujudkan keseimbangan dan alam menjadi saksi hidup perbuatan manusia.

Jelas, alam sebagai wadah kehidupan, terdapat dalam hampir semua *TK* menggambarkannya. Kebanyakan *tangon* yang terkumpul menggambarkan nilai budaya dalam hubungan manusia dengan alam. Contoh-contoh *TK* adalah seperti "*tangon*" (cerita rakyat) "Kogiu", menceritakan bagaimana tokoh dalam cerita meneroka hutan untuk mencari rotan dan "*supinit*" (getah lebah). Dalam usaha meneroka alam hutan, pantang-larang turut memainkan peranan sebagai pegangan. Begitu juga, alam membantu kehidupan mereka (dari sudut kepercayaan). Daripada normal yang biasa, manusia tidak sesekali boleh mengadakan hubungan (kahwin) dengan alam binatang. Menerusi *TK* ini digambarkan Lelaki tersebut menolak dan mengelak daripada menjadi pasangan binatang (mawas) yang menangkapnya. Melalui kebijaksanaan lelaki itu maka dia mampu melepaskan dirinya daripada terus dikurung oleh makhluk tersebut. Maka, *TK* ini secara jelasnya menerangkan bahawa terdapat perbezaan antara manusia dengan makhluk lain iaitu manusia lebih bijaksana dan pintar serta dalam keadaan-keadaan tertentu manusia tetap berpegang kepada keyakinan bahawa anugerah akal yang dikurniakan oleh "*kinoringan*" makhluk-makhluk yang boleh dilihat fizikalnya.

Tindakan yang melanggar peraturan berkaitan dengan alam amat ditegah. Mereka percaya bahawa alam mampu menimpakan bala kepada mereka jika melakukan sesuatu yang merosakakan alam. Dalam "*tangon*" (cerita rakyat) "Legenda Tasik Buyut", alam membalas kebobrokan masyarakatnya dengan menimpakan bala "*bunsuton*" (bangunan, manusia dan hasil tanam-tanaman ditelan bumi). Ini merupakan tindak balas alam sekitar yang terjadi secara semula jadi, maka dengan itu mereka tetap menghormati dan menghargai alam sekitar. Oleh sebab itulah, bagi mengekalkan hubungan baik dengan alam, amalan spiritual memelihara alam mengikut kepercayaan primitif tetap dijalankan. Untuk mencapai tujuan ini maka ritual perlu sentiasa dijalankan. Contoh, membersihkan kawasan perkuburan juga melibatkan upacara ritual. Cerita amalan ini digambarkan dalam *TK* "Lobong dan Lungun". Sehubungan dengnngan itu berikut diperturunkan jenis amalan (ritual) masyarakat primitif yang dikesan dalam *TK* adalah diringkaskan seperti berikut:

Jadual 1: Jenis-jenis "*puraa*" (ritual korban) dan fungsinya

| Jenis puraa | Kata Nama | Haiwan Korban | Tujuan |
|--|-----------------------------------|----------------------|---|
| <i>Manadaka/momuraa</i> (Ritual hajat) | <i>Puraa</i> (korban Darah) | Ayam/kambing/khinzir | Ritual perubatan, rayuan kepada alam |
| <i>Monunsub</i> (menghalau) | <i>Sunsub</i> (Menghalau) | Ayam/kambing/khinzir | Ritual menghalau roh (' <i>tatod</i> ') hari ke-3 |
| <i>Mongukas/momukas</i> (memperingati) | <i>Pukas</i> (Ulangtahun) | Kerbau atau sapi | Ingatan kepada si mati (100 hari ke atas) |
| <i>Mongolinsa</i> (isyihar pemilikan) | <i>Linsa</i> (Kenduri tolak bala) | Ayam Ayam/khinzir | Guna rumah baharu, mengelak Penunggu huni rumah |
| <i>Mongimuaw</i> (mengyapu bersih) | <i>Mumuaw</i> (sapu halau) | | Perubatan/halau penunggu di rumah-rumah lama ditinggalkan |

Sumber: *Data Kajian, Jamail Masador, 2021*

Berdasarkan jadual di atas, berikut dihuraikan jenis-jenis "*puraa*" (ritual korban) yang digambarkan dalam "*tangon-tangon*" suku Kimaragang.

"Manadaka" atau "momuraa"

"Manadaka dan Momuraa" merupakan sejenis kenduri tolak bala. Kenduri dijalankan bagi tujuan perubatan. Kenduri (*puraa*) dijalankan bagi menyatakan ketaatan dan pujukan kepada penghuni jagat raya bagi tujuan penyembuhan penyakit. Mengikut kepercayaan, lelaki yang sakit tersebut telah ditimpa penyakit berikutan ketidakakurnya terhadap ajaran yang diyakini terutama tata cara hubungan dengan makhluk lain. Si Pesakit diyakini telah disampuk oleh makhluk halus yang berkuasa memberikan penyakit ("*nosulian*"). Si Pesakit dipercayai menceroboh kawasan tertentu lalu

mengganggu makhluk penunggu tersebut. Oleh sebab itu, “*puraa manadaka*” perlu dijalankan bagi memujuk makhluk tersebut supaya memberikan kesembuhan kepada pesakit.

“Monunsub”

Menurut informan, “*monunsub*” dijalankan bagi menghalau roh (“*tatod*”) si mati pada hari ketiga. Upacara ini dijalankan sebagai tanda perpisahan dengan si mati. Upacara ini juga perlu diadakan sebagai sokongan kepada roh si mati yang bakal menempuh perjalanan yang jauh ke alam “*Namatai*”. Upacara ini hanya melibatkan keluarga si mati sahaja, dan dijalankan secara sedarhana. Ahli terdekat kepada si mati yang mengurung diri dalam rumah akan berkomunikasi dengan si mati melalui upacara “*Tumolud*”. Upacara ini juga sebagai petanda yang ahli paling rapat dengan si mati menamatkan pengasingannya.

“Mongukas” atau “momukas”

Upacara ini merupakan keduri secara besar-besaran yang diadakan selepas 100 hari kematian si mati. Upacara ini boleh dikatakan sebagai ulang tahun kematian si mati. Kenduri ini juga dijalankan sebagai suatu bentuk penghargaan kepada keluarga, ahli masyarakat lain sama ada yang jauh atau dekat di atas sumbangan mereka dalam urusan pengebumian si mati sebelum ini. Upacara ini diadakan secara terbuka kepada semua golongan. Dengan erti kata lain, aktiviti lain juga boleh dilaksanakan seperti nyanyian “*undead*”, nyanyian “*Tabainsi*” dan aktiviti menari boleh diadakan dalam upacara ini.

“Mongolinsa” dan “mongimuaw”

Upacara ini dijalankan secara ringkas dan sedarhana. Tujuan upacara ini dijalankan untuk menghindari bala (“*kadaat*”) bagi rumah baharu yang baharu siap dibina dan bakal diduduki. Upacara ini melibatkan seorang “*bobolian*” yang membaca manteranya iaitu mantera rumah baharu. Haiwan yang dikorbankan hanyalah beberapa ekor ayam. Ayam yang telah disembelih akan dibahagi dua iaitu untuk tuan rumah dan kepada “*bobolian*” tersebut. Aktiviti meletakkan tanda (calitan kapur atau arang kayu) di beberapa sudut rumah akan dilakukan oleh “*bobolian*” tersebut. Misalnya, menghitamkan kayu tiang seri rumah dengan asap pelita ataupun menerusi “*popow*” (arang kayu). Tujuan mencalitkan tanda di beberapa bahagian rumah baharu itu sebagai tanda menghalau penunggu daripada turut menghuni rumah tersebut.

Kepercayaan kepada benda-benda mistik sering dikaitkan dengan amalan kehidupan masyarakat tersebut yang hidup di lingkungan alam terpececil seperti di pinggir hutan, di pinggir sungai atau tasik, kurang pendedahan kepada pengetahuan baharu dan taraf sosio ekonomi yang relatifnya miskin. Kepercayaan ini terus mempengaruhi cara berfikir dan bertindak sebagai tata cara kehidupan dan menganggap bahawa makhluk ghaib boleh dijadikan sandaran untuk mencorak kehidupan mereka yang amat bergantung kepada sumber alam. Alam (“*pomogunan*”) pula dikuasai dan ditadbir oleh kuasa “*Minamangun*” (Tuhan Pencipta). Ringkasnya, sebarang tindakan memperolehi keperluan daripada sumber “*pomogunan*” perlu mendapat restu dan keizinan daripada yang menguasainya iaitu penghuni-penghuni mistik benda-benda di sekeliling. Berikut diperturunkan beberapa contoh tentang kepercayaan masyarakat Kimaragang berdasarkan “*tangon*” (cerita rakyat);

Jadual 2: Aspek Kepercayaan Lama

| <i>Tangon</i> (Cerita Rakyat) | Tindakan dan tujuan | Kepercayaan |
|-------------------------------|--|--|
| Majabou | Pengembaraan untuk mencari dan mengembalikan roh isterinya membawanya berhadapan dengan kuasa-kuasa jahat di alam “ <i>namatai</i> ”, di Nabal. Disebabkan kemarahan, watak utamanya mengapak Gunung Kinabalu. Maka dapat dilihat kesan kapakannya di puncak Gunung yang seakan terbelah tersebut. | Meneruskan perjalanan (membatalkan niat mengembara) baik untuk mengelak ‘ <i>kadaat</i> ’ (bala bencana) |

| | | |
|---|---|--|
| <i>Sopuk Tosundu</i> | Seorang pemburu yang menjumpai kelibat (roh) isterinya di pertengahan jalan. Watak utamanya menyedut kelibat itu ke dalam sumpitannya, lalu ditutupnya lubang sumpitan. Setibanya di rumah, didapati isterinya telah meninggal (tinggal jasadnya). Lelaki itu menghembuskan roh dari sumpitan ke mulut isterinya. Isterinya bangkit dari kematian. | Kepercayaan kepada 'tatod' (roh) dan lumaag (kuasa alam kayangan). |
| <i>Lopung Tosundu</i> | Terdapatnya alam lain diceritakan dalam <i>tangon</i> ini. Kisah ini bermula, apabila si yatim piatu berjaya menangkap seekor ular sawa. Ular sawa tadi merayu untuk dilepaskan dan berjanji untuk membuat kebaikan dengan membawa si anak yatim piatu itu mengembara ke tempat asal (alam ghaib) ular sawa itu. Konsep cerita ini ialah yang baik dibalas baik; jahat dibalas jahat. | Kepercayaan kepada alam lain |
| <i>Tanak Wagu Do Sarup</i> (Pemuda anak Angin) | <i>Tangon</i> ini mengisahkan tentang keajaiban yang dimiliki oleh Tanak Wagu yang meyerupai kelajuan angin. Dikatakan bahawa Tanak Wagu mempunyai kuasa luar biasa bergerak seperti angin, begitu juga akan keperkasannya menyerupai kekuatan angin berikutan didatangi 'Tompuan' (Jin pembantu). | Kepercayaan kepada kekuasaan unsur-unsur alam dan makhluk halus |

Sumber: *Kajian Lapangan*, 2020

Amalan pantang larang

Aspek budaya dikesan melalui kepercayaan (pantang larang) dalam TK yang paling kerap disebut ialah larangan turun ke tanah sesudah "momuraa" (ritual perubatan) kerana didatangi mimpi buruk. Contohnya dalam *tangon* (cerita rakyat) "Lontongon".

"Tontok dirih ka I Lontongon kumasaan tinakui, tu kopogonipi nopo dot taraat ka. Songinan o manuk topurak ginaras (dupot panakui)."

Terjemahan bebas: "Pada masa itu, Lontongon sedang diubati dengan cara pagan, kerana kononnya dia selalu saja mendapat mimpi yang buruk. Seekor ayam jantan putih telah dikorbankan."

(Olahan semula daripada *Tangon Si Ganuk*, 2020)

Dalam petikan di atas, peranan mimpi sebagai petanda dan kesan terhadap tindakan seharian amat mempengaruhi suku tersebut. Biasanya setiap mimpi yang dialami oleh seseorang akan ditafsirkan oleh tukang tafsir mimpi. Makna mimpi tersebut sama ada baik atau buruk menentukan tindakan seterusnya. Jika tafsiran mimpi tersebut tidak baik maka ritual 'manakui' (kenduri tolak bala) akan dijalankan. Mereka yang menjalankan ritual ini perlu mematuhi beberapa peraturan seperti dilarang berbual dengan orang ramai, tidak turun ke tanah dan mendermakan harta benda yang dimiliki seperti haiwan peliharaan.

Hal ini jelas menggambarkan masyarakat Kimaragang pada zaman dulu masih berpegang kepada kepercayaan animism. Larangan turun ke tanah sewaktu dalam tempoh berpantang kerana kenduri tolak bala merupakan suatu gambaran tentang hubungannya dengan persekitaran mereka. Alam sekitar merupakan sumber kehidupan mereka. Apapun yang hidup di persekitaran mereka merupakan petanda bagi setiap tindakan, sama ada yang baik atau buruk. Keengganan menghormati alam akan membawa bala atau bencana. Contohnya, suara burung 'montik' merupakan tanda atau petanda kepada kegagalan atau kejayaan, bergantung kepada alunan bunyinya (Mabin Kondok, 70 tahun).

Begitu juga sebaliknya, apabila beradaptasi dengan alam secara baik bakal membawa pulangan yang baik bagi kehidupan mereka. Misalnya, keengganan watak Si Lontongon dalam TK

“Ih Ganuk” untuk mematuhi tempoh pantang kenduri tolak balanya (supaya tidak turun ke tanah), mengakibatkan dia tewas di tangan Ganuk. Sementara dalam TK “Solingkumut”, kepercayaan terhadap alam kayangan juga dipaparkan. Dalam *tangon* ini diceritakan bahawa anjing yang dibela oleh lelaki tersebut mempunyai tahap kesabaran yang tinggi untuk memenuhi permintaan (makanan) lelaki tersebut. Namun segala daya usahanya untuk berburu dibalas oleh lelaki tersebut tidak yang sepatutnya. Anjing tersebut hanya diberi kayu *sasaban* (landas cencang). Anjing tersebut hanya mengenyangkan perutnya dengan kayu tersebut. Namun kesabarannya berakhir apabila dia mengertak lelaki itu, dengan mengejanya sehingga merentas lautan dan pergunungan. Namun tindakan anjing tersebut hanya sebagai pengajaran bagi sikap tamak lelaki tersebut. Setelah itu anjing tersebut dikatakan telah kembali (terbang) ke alam kayangan meninggalkan lelaki tersebut yang sedang dalam kekesalan. Anjing tersebut meninggalkan pesan, seperti berikut:

“Kadung siara nopoh, isai nopoh sakag, ong kosorou mengumbaya do tasu, kada noh pomoros dot takanon nitaak sid taso subai koh gentian dau, ka”


Terjemahan bebas: *“Oleh sebab itu, pada bila-bila masa sahaja, siapa saja keturunanmu, jika berhasrat membela seekor anjing, janganlah biarkan mereka berkata bahawa makanan yang mereka berikan kepada anjing itu harus digantikan (oleh anjing tersebut)”*.

(Tulisan semua daripada tagon: *Solingkumut*, 2020)

Dalam TK di atas, dikatakan anjing tersebut boleh berkomunikasi seperti manusia. Dalam kalangan masyarakat ini binatang seperti anjing sering disayangi kerana anjing merupakan haiwan peliharaan yang boleh dijadikan sebagai “teman” yang setia dan dapat membantu kehidupan mereka seperti menjaga keselamatan tuannya.

“Giang” dan “Duwaan”

Bagi tujuan berhubung dengan kuasa-kuasa mistik beberapa amalan dijalankan. Salah satunya ialah menerusi penggunaan “*giang*” dan “*Duwaan*”. Dapatan menerusi perbualan dengan beberapa infoman, menyatakan “*Rinait*” dan “*duwaan*” atau “*Giang*” merupakan dua perkara yang berbeza mengikut suku Kimaragang biarpun kedua-duanya adalah sejenis mantera. *Rinait* dilafazkan dalam rangkap yang panjang malah berhari-hari untuk dihabiskan, tanpa diketahui maknanya. Sementara “*duwaan*” atau “*giang*” merupakan ungkapan mantera yang pendek bagi tujuan “kesembuhan segera”. Contoh ‘*Giang*’ dan “*Duwaan*” yang pernah ditulis dan didokumentasi adalah seperti berikut;



Gambar 1: Contoh “*duwaan*” atau “*giang*” pada tahun 1980-an
Sumber: Dari koleksi Juradi Masadang, 2022

Penggunaan mantera (*'duwaan' dan 'giang'*) dalam kehidupan suku Kimaragang seiring dengan fahaman animisme yang mempengaruhi kepercayaan dan pemikiran ahli masyarakat terhadap sesuatu kejadian atau fenomena. Mantera dalam masyarakat Kimaragang merupakan mantera yang banyak dipelajari dari alam nusantara terutama dari Alam Melayu. Menurut informan kajian, pada zaman dulu nenek moyang mereka mempelajari mantera melalui pedagang-pedagang dari luar dan menerusi interaksi secara tidak langsung atau sebaliknya. Lantas mereka mengubah mantera sendiri melalui bahasa sendiri diadun bersama pengalaman dan pengaruh alam sekeliling. Oleh itu, keyakinan terhadap mantera *'duwaan' dan 'giang'* sebagai sumber penyembuhan dan kudrat masih menjadi suatu kepercayaan bagi sesetengah masyarakat. Contoh mantera "duwaan" yang menggunakan bahasa kuno untuk tujuan penyembuhan penyakit adalah seperti berikut.

Duwaan Oluganan (Doa Termengkalan)

*"Ila-ila sibagil
Ila-na kadapatan
sondulung buah unus"*

(Sumber: Paifson Aying, 2021)

Menurut informan kajian, mantera (*"duwaan"*) ini hendaklah dibaca tiga kali pada segelas air. Air yang dijampi tersebut hendaklah diteguk tiga kali dan baki air disapu tiga kali pada leher. Cara menyapu hendaklah dari atas ke bawah leher juga sebanyak tiga kali. "*Duwaan*" ini tidak dapat diterjemahkan ke Bahasa Melayu secara tepat. Rata-rata informan berpendapat bahawa bahasa yang digunakan ialah bahasa kuno, dan kemujarabannya adalah kerana keganjilan bahasa tersebut.

Duwaan Okopuan (Doa Terseliuh)

*gung-gung pagari
kalimata kaandu
sianan ku batu
kayu monunggul oku*

Terjemahan bebas:

*Lengking jeritku perih
mataku tuju satu
kasih kasihan kau batu
akulah pacak bumi*

(Sumber: Paifson Aying, 2021)

Mantera *'duwaan'* ini hendaklah dibaca tiga kali. Kemudian ibu jari si pesakit dipicit dan disapu kapur (*'tapug'*) sebanyak tiga kali. Selain itu, mengikut informan, *'Duwaan'* atau *'Giang'* di atas menggunakan bahasa purba dan tidak dapat diterjemahkan ke Bahasa Melayu secara tepat dari segi maknanya.

Penggunaan "*duwaan*" masih diamalkan dalam kelompok masyarakat yang belum menerima agama sebagai pegangan. Dalam TK berunsur kepahlawanan dalam aktiviti "*mengayau*" (perang memenggal kepala) digambarkan penggunaan jampi ("*duwaan*") "*Kotuka*" (sampukan bala) sebagai "*monguluwas ralan*" (pembuka jalan). Bererti "*duwaan kotuka*" ini berupaya menghindari dan menjernihkan keadaan daripada sebarang bala bencana. Sementara jampi "*giang*" pula berfungsi membuka rezeki dan sebagai "pintu" kepada kesembuhan dan keizinan daripada yang Maha Kuasa. Contoh paling ketara penggunaan "*duwaan*" ialah dalam *tangon* (cerita rakyat) "Majabou". Watak utamanya melafazkan "*duwaan*" dan "*giang*" bagi memudahkan perjalanan ke Nabal, dalam

usahanya menjejaki “tatod” (roh) isterinya. Para pengamal “giang” atau “duwaan” haruslah dengan hati yang penuh keyakinan, penuh ikhlas dalam rayuan terhadap *Kinoringan* serta mempraktikkannya secara berterusan.

Sementara itu, mantera-mantera lain yang dikenali dalam suku Kimaragang tidak boleh disamakan dengan mantera *rinait*. Ahli masyarakat mungkin menghafal beberapa mantera atau jampi (*duwaan* atau *giang*) tetapi *rinait* tidak boleh dihafal (atau tidak boleh dipelajari secara semborono) oleh ahli masyarakat biasa. *Rinait* merupakan mantera bertaraf tinggi dan dianggap suci, yang hanya boleh dihafal dan dilakukan oleh golongan istimewa, iaitu *bobolian* (*bomoh adat*). Hal ini terjadi disebabkan, golongan *bobolian* merupakan pemegang adat suku Kimaragang, maka golongan kecil ini dianggap sebagai utusan tuhan “*Minamangun*.” (Tuhan Maha Pencipta).

Sementara itu terdapat juga amalan kepercayaan lain bagi tujuan keperkasaan atau kepahlawanan. Ini termasuk ilmu “*pironok*” (pembujuk), “*ponimbul*” (ilmu kebal), “*pulias*” (ilmu penangkis) dan “*purinding*” (ilmu pendinding badan) dan sebagainya telah diupayakan dengan kekuatan yang terdapat pada mantera atau jampi yang diamalkan, dengan penuh tata cara dan pantang larang serta perlukan keyakinan tinggi bagi si pengamalnya. Menurut Ain Apainah dan Asmiaty Amat (2019), ilmu “*pironok*” mendapat sentuhan yang kuat kesan daripada kepercayaan animisme seperti yang berlaku kepada suku kaum yang lain di Sabah. Manusia menyedari bahawa kemampuan dunia realiti yang terbatas tidak dapat memenuhi kepentingan hidup mereka. Dengan sebab itu, mantera dapat dijadikan sandaran bagi menguatkan lagi kepercayaan bahawa setiap masalah dapat diselesaikan. Sehubungan dengan itu, beberapa cerita rakyat suku Kimaragang yang memerlukan mantera “*rinait*” sebagai salah satu jalan penyelesaian terhadap masalah atau bala (*kadaat*) yang dihadapi oleh watak utamanya. Ini termasuklah TK “Si Majabou”, “Sandangaw”, “Sopuk Tosundu” dan “Lungun”.

Dalam TK “Si Majabou”, dalam usaha wataknya menguatkan dirinya dari segi fizikal dan mental sebelum memulakan pengembaraan menerusi upacara “*manadaka*” (kenduri memulih semangat) dijalankan. Upacara ini melibatkan beberapa orang “*bobolian*” (*bomoh adat*) yang melafazkan “*rinait*”. Upacara ini dijalankan tujuh hari tujuh malam khas untuk “*monolutui*” (*membuka jalan*) kepada watak utamanya yang bakal berhadapan dengan cabaran, iaitu pengembaraan ke alam “*namatai*” (Nabalu). Di samping itu, watak ini perlu pula menyiapkan diri dan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu seperti “*duwaan*” dan “*giang*” malah perlu menguasai beberapa “*rinait*”. Jelas, pengembaraan yang bakal dilakukan oleh watak tersebut bukanlah satu pengembaraan biasa. Ia melibatkan pengembaraan alam lain dan kekuatan spiritual amat diperlukan.

Jika diamati, “*Giang*” boleh didefinisikan sebagai “buka” atau “doa pembuka”. Maka apabila jampi dilafazkan untuk tujuan tertentu maka pintu untuk kebaikan bakal terbuka. Oleh sebab itu “*giang*” bertujuan memohon kepada makhluk halus atau pun “*Kinoringan*” supaya memberi jalan mudah atau perlindungan bagi tindakan atau niat bagi pelaku tersebut. Menurut Jani Pangadap (52 tahun), “*giang*” ini diwarisi sejak turun-temurun. Namun tidak ramai yang mengetahuinya. Hal ini terjadi yang demikian kerana kata-kata mantera “*giang*” hanya boleh dipelajari oleh orang-orang terpilih sahaja. Secara ringkasnya fungsi “*giang*” berupa suatu rayuan supaya urusannya di dunia ini dipermudahkan oleh “*Kinoringan*” (tuhan). Berikut diperturunkan contoh “*giang*” untuk tujuan menghalau Hantu Bangkit yang dipercayai mengganggu seseorang;

“*Giang Antu Bangkit*”

*Sangkit bangkit
daging menjadi abu
tulang menjadi kapur
darah menjadi air
sekali-kali tiada menjadi!*

(Sumber: Jani Pangadap, Kg Salimandut, 2022)

Secara ringkasnya, “*Giang*” di atas dilafazkan agar “*Kinoringan*” menghindarinya daripada gangguan hantu bangkit. Dengan niat yang baik, dan tindakan yang tidak melanggar peraturan, mereka melafazkan “*giang*” untuk mendapatkan perlindungan keselamatan daripada kuasa yang mencipta hantu bangkit. Maka tidak dinafikan amalan-amalan dalam penggunaan mantera atau jampi dalam kehidupan mereka disebabkan tenguhnya kepercayaan mereka terhadap makhluk-makhluk di persekitaran mereka. Penggunaan “*giang*” atau “*duwaan*” pula menggambarkan usaha mereka mendekati diri dengan Pencipta Alam (“*konoringan*”), sebagai satu bentuk pengabdian dan pengakuan bahawa mereka lemah dan tidak berupaya tanpa pertolongan dari sumber-sumber yang lebih berkuasa seperti yang sering diperdengarkan menerusi *Tangon* Kimaragang (TK).

RUMUSAN

Berdasarkan analisis ke atas “*tangon*” (cerita rakyat), masyarakat Kimaragang telah menjalani kehidupan bersandarkan kepada kepercayaan dan amalan-amalan yang diyakini benar. Justeru, makalah ini telah diikhtiarkan untuk memaparkan budaya bukan benda yang terkait dengan kepercayaan bagi suku Kimaragang dalam skop yang agak terbatas. Kepercayaan yang diperkatakan menjurus kepada amalan yang dipraktikkan di suatu tempat yang mungkin berbeza dari segi tanggapan, pendekatan, tafsiran dan justifikasinya di tempat lain. Kepercayaan kepada “*lumaag*” (malaikat atau roh baik), alam “*namatai*” (alam barzakh), alam kayangan (dewa-dewa), “*tatod*” (roh), “*tompuan*” (rasukan) dan amalan menjaga hubungan dengan alam dan amalan lain yang berkaitan dengan kepercayaan “*puraa*” (ritual korban) telah diperkatakan seadanya mengikut sumber yang diperolehi. Jelas, budaya bukan benda yang terdapat dalam masyarakat Kimaragang mempunyai maksud tersirat yang secara tidak langsung memperlihatkan identiti budaya sebuah kelompok minoriti tersebut. Maka, pengetahuan dan pemahaman mendalam tentang peranan dan sumbangan budaya bukan benda tersebut perlulah ditanam dan dibajasuburkan sebagai salah satu khazanah berharga untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2003). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Halim Ali (2013) *Memahami Puisi Melayu Tradisional*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZU Edu Publications.
- Abdul Halim Ali (2009) Akal Budi Dalam Sajak-Sajak Dharmawijaya. *Jurnal e-UTAMA* 2 (2), 69-80
- Ain Apainah & Asmiaty Amat. (2019) *Pironok: Mantera Pemimpin Dusun Kimaragang*. (Artikel Jurnal). Universiti Malaysia Sabah. Gendang Alam. Jilid 9,2019
- Arba'ie Sujud, Lily Salwani Bt Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2011). *Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-kanak*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 2,138-151
- Ezzah Afifah & Che Ibarahim Salleh. (2015). *Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara*. Penerbit UMT: Jurnal of Business and Development. Vol.3
- Gallus, C., & Low, K.O. (2016). *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis tema*. Gendang Alam,6,27-54
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman.
- Jacqueline Pugh-Kitingan (2012). *Kadazandusun*. Siri Etnik Sabah. Kuala Lumpur Institut Terjemahan & Buku Malaysia
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali, & Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah, *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 32(1). <https://doi.org/10.51200/manu.v32i1.2954>
- Janathan Kandok dan Low Kok On. (2016). *Sundait warisan Kadazandun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Minah Sintian. (2014). *Amalan Memotong Kepala dalam Masyarakat Primitif Kadazandusun: Survival atau Budaya?* Artikel Jurnal. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. dlm. <https://www.researchgate.net/publication/333601492>
- Minah Sintian. (2019). *Nilai-nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun*. Artikel Jurnal. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris dlm. <https://www.researchgate.net/publication/333601492>
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan. Jurnal Peradaban Melayu, Bil.2 Jilid 16,2021
- Mohd. Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd. Sharifuddin Yusop. (2015). *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics, 3(2015),91-100.
- Mohd. Fahmi Ismail. (2016). *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia (Tidak diterbitkan)
- Mohd. Taib Osman (1976) *Pendokumentasian Sastera Rakyat dan Sastera Daerah Malaysia*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Sastera.7:39-41
- Muhammad Hj Salleh (1995). "Mentakrif Sastera Melayu" dalam *Penelitian Sastera Metodologi dan Penerapan Teori* diselenggarakan oleh S. Jaafar Husin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Nur L-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). *Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa*. Universiti Malaysia Kelantan. PENDETA.Jilid 13 No.1,2022
- Norjietta Julita Taisin. (2015). *Aspek Metafora dalam pantun (Sundawil) tradisional Kadazandusun dalam aspek percintaan dan kasih sayang*. Seminar florklor Nusantara. JKKN Perlis Indera Kayangan
- Suraya Sintang (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah. (Artikel Jurnal). Universiti Malaysia Sabah. Jurnal Usuluddin, Bil 18 [2003] 58-80
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Senarai Informan:

- Faipson Aying (47 tahun) Kg. Marion, Kota Marudu, Sabah.
Jani Pangadap (52 tahun) Kg Singgahmata, Kota Marudu, Sabah.
Juradi Masadang (57 tahun) Sekolah kebangsaan Popok, Kota Marudu, Sabah.
Jingle Porumpung (57 tahun) Ketua Kampung Tingkalanon, Kota Marudu, Sabah.
Mabin Kondok (70 tahun), Kg. Longon, Kota Marudu, Sabah.
Madiwi Maradan (59 tahun) Kg Tingkalanon, Kota Marudu, Sabah.
Rumalom Pamadzu (85 tahun, mendiang) Kg. Salimandut, Kota Marudu, Sabah.